

9/11 perlu tribun al bebas

**WASHINGTON** Khamis lalu mengumumkan bahawa pemimpin ketiga terpenting Al-Qaeda, Khalid Sheikh Mohammed mengakui bertanggungjawab merancang serangan 11 September 2001 dalam satu perbicaraan tertutup mahkamah tentera.

Hendak percaya atau tidak? Hakikatnya ialah kewibawaan Amerika Syarikat (AS) sudah begitu rendah hingga apa yang ia lakukan walaupun benar sukar untuk diterima khususnya oleh orang Islam.

Bagaimana umat Islam hendak menerima kenyataan itu lebih-lebih lagi dibuat pada tribunal tentera AS, yang pastinya tidak bebas dan cenderung menyebelahi Washington sendiri. Tambahan pula Khalid sendiri ditahan sejak tiga tahun di Guantanamo, yang terlibat dengan kontroversi penyeksaan para tahanan.

Persoalan yang banyak timbul ialah masa pengumuman itu dibuat. Pertamanya, kedudukan Presiden George W. Bush yang berada pada kedudukan kritikal dengan serangan hebat daripada pihak parti Demokratik.

Bush sedang bertungkus-lumus menaikkan imej parti Republikan yang kalah dalam pilihan raya Kongres tahun lepas dan berharap beberapa usaha dapat dilakukan untuk memperbaiki peluang calon presiden Republikan dalam pilihan raya Presiden tahun depan.

Selain itu, AS sedang berdepan dengan kritikan hebat mengenai Iraq, Afghanistan dan kedudukan kem Guantanamo. Sudah tentu suasana ini menjadi pendorong kepada Washington untuk membuktikan sesuatu bahawa segala tindakan yang dilakukan ekoran peristiwa 11 September adalah benar. Bermula daripada serangan ke atas Afghanistan, penubuhan kem tahanan Guantanamo dan juga Iraq.

Untuk menambah keperluan bagi AS mencari sesuatu perkembangan baru untuk mempertahankan imejnya ialah konfliknya dengan Iran.

Kesemua perkembangan ini menjadi pendorong kepada pengumuman bahawa orang ketiga itu menjadi dalang kepada serangan 11 September. Ia menjurus kepada memberi justifikasi bahawa serangan AS ke atas Afghanistan dan peperangannya menentang Taliban adalah suatu yang betul. Begitu juga dengan penubuhan kem tahanan Guantanamo.

Latar belakangnya pula ialah peperangan ke atas Iraq dan konfrontasi dengan Iran. Mesej yang boleh diandaikan ialah apa yang berlaku di Iraq dan Iran mengingatkan betapa AS masih terus diancam oleh sekumpulan teroris Islam.

Perlu diingat hakikatnya peristiwa 11 September itu merugikan umat Islam dan digunakan bagi menyebarkan Islamofobia. Jika orang Yahudi sentiasa mengingatkan dunia tentang Holocaust bagi menjustifikasikan penubuhan negara Israel dan menindas Palestin, maka peristiwa 11 September akan sentiasa diingatkan oleh AS kepada dunia tentang ancaman Islam terhadap mereka.

Lalu, ia digunakan bagi menjustifikasikan sikap Islamofobia, menekan gerakan Islam dan menceroboh mana-mana negara Islam di dunia.

Lihatlah baru-baru ini apabila AS membantu Habsyah menceroboh Somalia bagi mengalahkan gerakan Syariah Islam di sana. Gerakan mahkamah Syariah itu bukanlah pengganas, jauh sekali bersekongkol dengan Al-Qaeda, malah mereka berbeza daripada Taliban.

Tetapi alasan AS untuk menceroboh Mogadishu ialah hendak menundukkan Al-Qaeda. Justeru, peristiwa 11 September amat perlu diingatkan kepada dunia tentang kewajaran Washington bersikap Islamofobia.

Media berasaskan AS akan sentiasa mengingatkan dunia tentang peristiwa 11 September. Filem fiksyen dan rencana, baik melalui saluran seperti Discovery mahupun National Geographhic adalah menjurus kepada menginstitusikan peristiwa 11 September bagi mewajarkan tindakan mereka ke atas dunia Islam.

Dalam keadaan yang menjadi sasaran, umat Islam pula berasa dihina dan dijadikan kambing hitam bagi AS. Apa



**PERISTIWA 11 September merugikan umat Islam dan digunakan bagi menyebarkan Islamofobia.**

**Maka dalam menghadapi pengumuman bahawa Khalid Sheikh Mohammed sebagai perancang peristiwa 11 September, sikap yang perlu diambil oleh umat Islam ialah berbentuk skeptik. Iaitu boleh jadi benar, boleh jadi tidak.**

yang dirasakan oleh umat Islam mungkin tidak ubah seperti apa yang ditanggung oleh rakyat Jerman ketika mana mereka sentiasa diingatkan mengenai Holocaust.

Tetapi sekurang-kurangnya rakyat Jerman bertanggungjawab memberi undi kepada Adolf Hitler, sedangkan umat Islam tidak pernah mengundi Al-Qaeda.

Sememangnya ada golongan yang cuba menafikan berlakunya Holocaust dan juga peristiwa 11 September. Sememangnya apabila diteliti terdapat beberapa persoalan yang meragukan mengenai keseluruhan kedua-dua peristiwa itu.

Presiden Iran, Mahmoud Ahmedinejad umpamanya mempersoalkan Holocaust. Banyak pihak di dunia Islam yang turut meragukan peristiwa 11 September sebagai perbuatan penganas Islam. Ini kerana tindakan-tindakan yang mengerikan itu akhirnya menguntungkan mangsa. Maknanya, Holocaust yang mengorbankan beribu-ribu orang Yahudi akhirnya menguntungkan Israel. Sementara peristiwa 11 September yang mengorbankan beribu-ribu rakyat AS menguntungkan kuasa besar itu.

## **Memerangkap**

Tetapi menafikan Holocaust dan dalang peristiwa 11 September hanya memerangkap umat Islam sendiri. Bukti yang ditunjukkan oleh pihak berkuasa AS baik mengenai Holocaust dan peristiwa 11 September dapat diterima oleh kebanyakan manusia di dunia. Penafian oleh umat Islam hanya menunjukkan seolah-olah orang Islam tidak mahu menerima kenyataan yang jelas.

Contohnya ialah dengan pengakuan Khalid Sheikh Mohammed. Keseluruhannya umat Islam seperti percaya tidak percaya kerana AS mempunyai banyak muslihat. Tetapi dunia amnya dapat menerima kerana kemungkinan besarnya ada. Apa yang patut AS lakukan ialah mengadakan siasatan bebas dengan tribunal bebas hingga menyebabkan keputusan yang dibuat adalah berkecuali dan dapat diterima.

AS boleh melakukannya. Selepas ini mungkin timbul desakan dari dalam AS sendiri menuntut bukti dan didedahkan perkara ini secara terbuka. Sistem di AS memberi ruang untuk perkara ini.

Tetapi umat Islam tidak boleh berdiam diri dan melihat kejadian-kejadian ini daripada kaca mata andaian dan terjebak dalam teori-teori konspirasi yang hanya mendedahkan kelemahan pemikiran orang Islam.

Orang Islam yang mampu perlu membuat kajian sendiri mengenai peristiwa 11 September dan segala apa yang ada kaitan dengannya. Segala tulisan dan buku yang memfitnah umat Islam mesti dicabar. Islamofobia mesti dilawan dengan ilmu dan perbincangan.

Dalam hal ini, umat Islam wajar mencontohi orang Yahudi yang menubuhkan Liga Anti-Defamasi Yahudi. Badan yang berpusat di New York ini mengkaji semua kenyataan yang memfitnah orang Yahudi dan kemudian mencabarnya. Cara mereka ini sebenarnya telah ditcontohi oleh umat Islam di Amerika Utara yang melalui persatuan-persatuan Islam turut melakukannya.

Bagaimanapun, terdapat beberapa prinsip yang perlu dipegang oleh orang Islam bagi menentang propaganda Barat yang secara ketara dan halus menggalakkan Islamofobia.

Pertama, umat Islam tidak wajar menafikan wujudnya unsur-unsur keganasan di kalangan gerakan Islam sendiri. Kedua, umat Islam mesti memisahkan antara unsur-unsur keganasan dengan perjuangan gerakan Islam yang tidak berasaskan kepada keganasan.

Ketiga, keganasan dan kekerasan adalah berbeza. Keganasan ditolak oleh Islam. Tetapi ada bentuk kekerasan dibolehkan, umpamanya dalam peperangan dan paksaan bagi tujuan kebaikan.

Keempat, umat Islam mesti mengakui wujudnya unsur-unsur ekstremisme di kalangan pejuang Islam. Ekstremisme ini malangnya bersifat subjektif dan relatif. Tetapi ia merupakan sikap melampau dalam pelaksanaan Islam.

Kelima, ada kalangan umat Islam pula dalam menolak ekstremisme mempunyai tujuan lain iaitu untuk melonggarkan amalan umat Islam terhadap agamanya.

Dengan menyedari kelima-lima prinsip ini, barulah umat Islam dapat berdepan dengan pihak Barat serta tidak apologetik terhadap agama sendiri, ataupun terperangkap dengan andaian karut-mengarut.

Sebaliknya di Barat, ada cara pemikiran yang menganggap bahawa Islam itu sendiri mengandungi keganasan dan

ekstremisme. Bagi mereka, Islam adalah musuh Barat yang mesti dikalahkan seperti Barat mengalahkan komunisme.

Tokoh bekas Islam yang diminati Barat kini ialah Ayaa Hirsi yang menulis buku *Infidel* (kafir) dan bekerja untuk American Enterprise Institute (AEI), sebuah badan pemikir AS yang memperjuangkan nilai-nilai kapitalisme, keusahawanan dan sistem ekonomi Amerika.

Hirsi yang berasal dari Somalia dan meninggalkan Islam di Belanda sebelum dihalau keluar mempunyai pengalaman pahit dalam hidupnya dan kini menjadi perjuangannya menentang Islam.

Baginya, Islam merupakan penyebab kehidupannya serta banyak wanita di negara-negara Islam menderita. Tanggapan yang menarik bagi Barat ialah hujahnya bahawa isi al-Quran mengandungi kekerasan, maka Islam merupakan agama kekerasan.

Jadi apa yang golongan Islamofobia mahu sebarkan ialah Islam adalah agama kekerasan dan kekerasan itu adalah keganasan. Jadi untuk menghapuskan keganasan, caranya ialah menghilangkan Islam dari muka bumi ini.

Sedangkan kekerasan dan keganasan itu berbeza. Hakikatnya Barat melakukan kekerasan dengan sewenang-wenangnya tanpa rasa sebarang keanehan. Peperangan dan tindakan polis yang dilakukan oleh Barat adalah kekerasan.

## Huru-hara

---

Kekerasan dilakukan untuk mengawal keamanan dan mengelak huru-hara dan kekacauan am. Tetapi mengapa kekerasan dianggap perkara yang terlarang dan seterusnya dikaitkan dengan keganasan?

Bayangkan betapa dalam Perang Badar, Uhud yang mana jihad dilancarkan penuh akhlak. Wanita dan kanak-kanak tidak boleh dibunuh. Tumbuhan dan ternakan tidak boleh dirosakkan. Berapa orang saja yang terbunuh dalam perang-perang yang dilancarkan pada zaman awal Islam.

Tetapi lihat apa yang dilakukan oleh Barat pada zaman moden. Pengguguran bom atom ke atas Hiroshima dan Nagasaki adalah satu keganasan dan bukannya kekerasan. AS patut mengaku dan menerima bahawa mereka telah bersalah dengan membunuh kanak-kanak, wanita serta merosakkan harta benda.

Melihat sejarah AS sendiri, ia penuh dengan bukan saja kekerasan tetapi juga keganasan.

Memang sewajarnya keganasan mesti ditentang, tetapi mengaitkannya dengan Islam adalah suatu sikap yang mencurigakan. Perang menentang keganasan itu dapat dilihat sebagai topeng bagi perang sebenar iaitu untuk menghapuskan Islam.

Memang Al-Qaeda melancarkan perang ke atas AS. Tetapi rangkaian itu tidak mewakili umat Islam dan pegangan Islam itu sendiri.

Begitu juga di pihak Islam. Walaupun AS menyerang Iraq dan mengizinkan pendudukan Israel ke atas Palestin, tetapi umat Islam umumnya dapat membezakan antara dasar luar AS dan rakyat serta tamadunya.

Maka dalam menghadapi pengumuman bahawa Khalid Sheikh Mohammed sebagai perancang peristiwa 11 September, sikap yang perlu diambil oleh umat Islam ialah berbentuk skeptik. Iaitu boleh jadi benar, boleh jadi tidak.

Tetapi keadilan mesti dijunjung. Pemimpin Al-Qaeda mesti dibawa ke pengadilan yang terbuka, bebas dan berkecuali, bukannya di AS yang wibawanya sudah tercalar.

Apahal pun, umat Islam juga tegas menolak keganasan yang menyebabkan berlakunya peristiwa 11 September. Walaupun benar yang melakukannya adalah orang beragama Islam, tetapi mereka telah mendatangkan kemudaratan lebih besar kepada umat Islam.

Tetapi umat Islam mesti tidak wajar berdiam diri ke atas sebarang perang Islamofobia oleh pihak-pihak tertentu di Barat. Inti ajaran Islam adalah keadilan, bukannya kezaliman. Usaha memburukkan Islam mesti ditentang baik dari dalam mahupun luar umat Islam.